

04/10/2001

Syarikat Korea Selatan diminta usaha sama keluar komponen

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap, syarikat gergasi automatif Korea Selatan melabur di negara ini dengan mengadakan usaha sama bagi mengeluarkan komponen automatif untuk pasaran tempatan.

Perdana Menteri berkata, syarikat automatif dari Korea Selatan tidak seharusnya mengehendak kegiatan mereka untuk mengeksport kereta buatan mereka saja ke negara ini.

"Kita tahu mereka mempunyai kepakaran dan melaburlah di Malaysia dengan mengadakan usaha sama bagi mengeluarkan komponen automotif yang boleh dijual kepada pengeluar automotif tempatan.

"Pelaburan seperti ini akan membolehkan firma automotif Malaysia mendapat faedah daripada kemahiran industri automotif Korea Selatan dalam menguruskan industri-industri mereka.

"Ini akan membolehkan pengeluaran kereta yang murah dan berkualiti serta amat berdaya saing," katanya pada majlis pelancaran model sedan Kia Spectra dan pembukaan rasmi bilik pameran utama Naza Motor Trading Sdn Bhd, di sini hari ini.

Kejayaan usaha itu adalah hasil kerjasama syarikat automotif tempatan, Naza Kia Sdn Bhd dan Kia Motors Corporation (Kia Motors), syarikat automatif utama Korea Selatan serta antara 10 pengeluar kereta utama dunia.

Korea Selatan dikenali kerana mengeluarkan komponen automotif berkualiti tinggi pada kos yang lebih rendah.

Dr Mahathir berharap, Kia Motors dan pengeluar auto Korea Selatan yang lain akan meninjau kemungkinan melabur dalam pengeluaran komponen automotif bagi Malaysia dan negara lain di rantau Asean supaya ia dapat mengurangkan harga kenderaan bermotor.

Perdana Menteri kagum dengan ketahanan rakyat Korea Selatan menjadikan negara mereka satu kuasa ekonomi dan perusahaan yang boleh mengeluarkan hampir apa saja pada kos yang amat rendah serta setanding dengan Jepun dan negara maju lain.

Katanya, ini berlaku walaupun ketika rantau ini dilanda krisis ekonomi yang memaksa Korea Selatan mendapatkan bantuan kewangan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Mereka dapat membayar balik AS\$58 bilion (RM220.4 bilion) kepada IMF tahun lalu iaitu satu pencapaian luar biasa," katanya.

Kerjasama antara Kia Motors dan kumpulan Naza bermula pada 1996 apabila penjual kereta tempatan itu membawa masuk kenderaan pacuan empat roda, Kia Sportage, ke pasaran tempatan.

Naza Kia Sdn Bhd adalah pemegang francais dan pengedar kereta keluaran Kia dari Korea Selatan di negara ini.

Pelancaran model Kia Spectra itu adalah satu pencapaian membanggakan kumpulan Naza yang sudah hampir 23 tahun terbabit dalam perniagaan mengimport dan menjual kereta.

Sejak Spectra dilancarkan awal tahun ini, sebanyak 600 unit sudah dijual.

(END)